

IQRA'



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرآن

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my




4
*Penandaaran Perpustakaan
Universitas Pendidikan
Indonesia (UPI)*



5
*Kunjungan Hormat ke Pejabat
Kursi Raja-Raja Melayu UiTM
Shah Alam*



8
LIVE HD
*Live@PTAR Program Bicara
Pakar: "The Changing Land-
scape in Higher
Education"*



18
LIVE HD
*Live@PTAR Siri 1:
"Bibliometrics For Librarian
And Journal Writing"*



23
LIVE HD
*Live@PTAR UCM Siri 1 Segmen
Bersama Pakar Revolusi Digital:
Isu dan Cabaran Penulis
Kontemporari*

BELI RUMAH | 3 FEBRUARI 2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Siri 4 "10 Panduan Asas Beli Rumah oleh Ts. Siti Hafsa Zulkarnain"

3,960 views • Streamed live on Feb 3, 2021

Cintai aku dengan membaca.
Aku akan mencintaimu dengan menulis.

Siri 4 "10 PANDUAN ASAS BELI RUMAH" | 3 FEBRUARI 2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Siri 4 "10 Panduan Asas Beli Rumah oleh Ts. Siti Hafsa Zulkarnain"

3,960 views • Streamed live on Feb 3, 2021

APA YANG PEMBELI PERLU TAHU?

- SEBAB-SEBAB KENAPA PERLU BELI RUMAH
- PILIHAN JENIS-JENIS HARTA TANAH KEDIAMAN
- FAKTOR-FAKTOR YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN DALAM MEMBELI RUMAH
- TAHAP KEMAMPUAN UNTUK MEMBELI RUMAH
- SYARAT KELAYAKAN PINJAMAN PERUMAHAN
- ISTILAH-ISTILAH ASAS
- LANGKAH-LANGKAH ASAS MEMBELI RUMAH
- PEMBEDIAN HARTA TANAH KEDIAMAN JENIS LELONG
- HAK PEMBELI DARI SUDUT PERUNDANGAN
- PERCUKAIAN YANG TERLIBAT BAGI MEMILIKI RUMAH KEDIAMAN

10 PANDUAN ASAS BELI RUMAH

AN ASAS BELI RUMAH | 3 FEBRUARI 2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Siri 4 "10 Panduan Asas Beli Rumah oleh Ts. Siti Hafsa Zulkarnain"

3,960 views • Streamed live on Feb 3, 2021

10 PANDUAN ASAS BELI RUMAH

Perpustakaan Tun Abdul Razak Alam Bina, UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "10 Panduan Asas Beli Rumah" di bawah segmen Bicara Buku. Program ini telah dikendalikan oleh Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama dengan panel jemputan iaitu Sr. Ts Siti Hafsa Zulkarnain Pensyarah Kanan, di Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) UiTM Shah Alam. Perkongsian ilmu pada kali ini mengupas dengan lebih lanjut mengenai sebuah buku bertajuk "10 Panduan Asas Beli Rumah" yang ditulis oleh Sr. Ts. Siti Hafsa Zulkarnain, bersama Dr. Irini Ibrahim, Pensyarah Kanan daripada Fakulti Undang-Undang UiTM dan Pn. Alice Rozianne, peguambela dan peguamcara di Alice Rozianne, Azhar & Co. Buku yang ringkas dan padat ini disasarkan kepada golongan pembeli rumah pertama atau pembaca yang ingin mendapatkan maklumat dan perkongsian mengenai pengalaman membeli rumah dengan cara yang betul.

Melalui buku ini, pembaca akan dihidangkan dengan 10 panduan asas beli rumah seperti sebab-sebab membeli rumah, pilihan jenis harta tanah kediamaan, faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membeli rumah, syarat kelayakan pinjaman perumahan, istilah-istilah asas dan langkah-langkah asas membeli rumah. Selain itu, pembaca juga berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai pembelian harta tanah kediamaan jenis lelong dan percuakaian yang terlibat bagi memiliki rumah kediamaan. Panel juga berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam dalam memupuk amalan membaca sebagai budaya dalam kehidupan harian. Panel turut berkongsikan pengalaman beliau dalam menerapkan budaya membaca di kalangan ahli keluarganya. Semoga perkongsian kali ini dapat memberi manfaat kepada segenap golongan masyarakat terutamanya dari segi perancangan pembelian rumah.